



Headline: Pesara rugi RM184,400 terpedaya kes tipu
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 7 November 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

Pesara rugi RM184,400 terpedaya kes tipu

Kuantan: Pesara wanita kerugian RM184,400 apabila diminta menukar kad ATM sebuah bank selepas dikatakan membuat tuntutan insurans takaful yang tidak wujud.

Ketua Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata pada 20 Oktober lalu mangsa yang menerima panggilan telefon daripada pihak takaful mendakwa mangsa ada membuat tuntutan.

Katanya, mangsa menafikan dakwaan pihak takaful terabit dan kononnya untuk mengelak perkara berkenaan berlautan mangsa diarahkan supaya membuat laporan penafian sebelum disambungkan dengan individu yang menyamar sebagai

anggota polis.

"Mangsa kemudian diarahkan oleh anggota polis berkenaan supaya segera menukar kad ATM dan mengemas kini nombor telefon. Semalam (kelmarin), mangsa membuat semakan akaun bank miliknya dan mendapati wangnya hilang sebanyak RM184,400 menerusi 25 transaksi ke akaun lain," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mangsa yang menyedari ditipu membuat laporan polis semalam.

Sementara itu dalam kes berasingan, seorang peneroka FELDA kerugian lebih RM26,000 selepas kad ATM digunakan individu lain untuk mengeluarkan wang tanpa pengetahuannya.